

Sasar kendali setengah juta TEU

Status FCZ sejak 1 Februari lalu cetus perubahan di NBCT

GEORGE TOWN

Meskipun menjadi pelabuhan persekutuan terakhir di Semenanjung yang diberikan status zon komersial bebas (FCZ), pastinya, operasi Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) Penang Port Sdn Bhd akan berimpak, terutamanya apabila aktiviti pemindahan telah beroperasi sepenuhnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Penang Port, Datuk Sasedharan Vasudevan berkata, walaupun NBCT menerima status FCZ pada 1 Februari lepas, operator pelabuhan itu mempunyai sasaran konservatif bagi kendalian pemindahan sebanyak 50,000 unit bersamaan kontena 20 kaki (TEU) pada 2021.

"Bagaimanapun, sebaik sahaja perniagaan ini matang, ia berpotensi untuk meningkat sehingga setengah juta TEU. Inilah yang kita sasarkan untuk tempoh lima tahun akan datang.

"Sebaik sahaja ia mula

membina momentum, kita mungkin perlu memperluas pelabuhan ini bagi memastikan kita mempunyai kapasiti berkenaan," katanya kepada *Bernama*.

Menurutnya, lokasi strategik Penang Port akan membolehkan aktiviti pemindahan dari Teluk Benggala dan berpotensi Timur Tengah dengan mengambil kira pelabuhan pertama yang terletak di Selat Melaka.

Sebagai persediaan bagi FCZ dan potensi perniagaan baharu yang hadir bersamanya, beliau berkata Penang Port, anak syarikat di bawah MMC Corp Bhd memperuntukkan perbelanjaan modal hampir RM500 juta dalam tempoh lima tahun lepas.

Sasedharan berkata, pada masa ini pelabuhan itu mempunyai penampakan yang mencukupi bagi kapasiti untuk tempoh tiga hingga empat tahun akan datang. Bagaimanapun, Penang Port bersedia untuk melabur apabila diperlukan.

Beliau berkata, tarikh 29 April menandakan kejayaan penting bagi Penang Port apabila menerima kargo pemindahannya yang pertama sebanyak 223 TEU daripada Evergreen Marine Corp sekali gus mewujudkan perniagaan



Ketika perniagaan lain terjejas akibat Covid-19, perniagaan logistik yang dikendalikan Penang Port dijangka terselamat daripada pandemik.

baharu kepada operator pelabuhan itu.

Kejayaan penting

"Perniagaan baharu ini bukan sahaja untuk pertumbuhan Penang Port kerana ia mewujudkan impak limpahan dari segi perniagaan baharu bagi ejen pengangkutan dan perkapalan yang berpangkalan di Pulau Pinang," katanya.

Menerusi status FCZ, beliau yakin Penang Port akan mencapai tahap yang lebih tinggi, seiring dengan prestasi pelabuhan lain seperti Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), yang mana pemindahan hasil menyumbang sekurang-kurangnya 40 peratus daripada pendapatan mereka.

Ketika Pelabuhan Klang dan

PTP menyediakan lebih banyak perkhidmatan terutamanya di laluan timur-barat seperti China ke Eropah, Penang Port pula memberikan tumpuan khususnya ke Teluk Benggala.

"Teluk Benggala bermula dari Sri Lanka sehingga ke Selatan Thailand dan pada 2020, jumlah kendalian (kontena) di Teluk Benggala dianggarkan sekitar 8.1 juta TEU.

"Kita mempunyai perkhidmatan harian Timur Jauh - oleh itu, sekiranya ada mana-mana syarikat perkapalan yang mahu menghantar kargo mereka ke China, Jepun, Korea atau Taiwan, mereka boleh menurunkan peti mereka di sini untuk menerima sambutan harian," katanya.

Ketika perniagaan lain terjejas berikutan pandemik Co-

vid-19, perniagaan logistik mungkin terselamat daripada kesukaran ini.

Malahan, Sasedharan berkata, terdapat fenomena global mengenai kekurangan bekalan kontena yang menyebabkan sektor e-dagang di China meningkat dengan ketara dan masa pusing balik kontena yang lebih panjang.

"Covid-19 tidak memberikan impak kepada sektor logistik kerana orang ramai masih perlu makan dan ubat-ubatan pula masih perlu dieksport dan diimport," katanya.

Sasedharan berkata, Penang Port menyasarkan untuk meningkatkan kendaliannya kepada 1.5 juta TEU pada tahun ini, sama seperti 2019, selepas mengalami penguncupan 7.0 peratus pada 2020. - *Bernama*



SASEDHARAN